

Pentadbiran, perkhidmatan awam tidak terjejas dengan situasi politik semasa – CUEPACS



09/08/2021 06:21 PM

KUALA LUMPUR, 9 Ogos -- Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) memberi jaminan bahawa jentera pentadbiran kerajaan tidak akan terjejas dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat walaupun berlakunya kemelut politik ketika ini.

Presiden CUEPACS Adnan Mat berkata sistem pentadbiran kerajaan pada dasarnya adalah terasing dengan sistem politik kepartian dan tidak akan terkesan dengan situasi semasa politik negara.

"Tahap profesionalisme penjawat awam adalah begitu tinggi kerana kami semua telah berikrar untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara.

"Walaupun apa pun tekanan dan cabaran yang dihadapi ketika ini, CUEPACS yakin penjawat awam mampu melaksanakan tanggungjawab masing-masing tanpa dipengaruhi oleh situasi politik semasa," katanya dalam kenyataan hari ini.

CUEPACS juga menyatakan keyakinan bahawa kemampuan dan kebijaksanaan penjawat awam khususnya semua Ketua Setiausaha Kementerian dan ketua jabatan untuk terus berkhidmat secara profesional walaupun terdapat perletakan jawatan menteri di beberapa kementerian baru-baru ini.

"Sebagai penjawat awam yang profesional dan neutral, kita tidak boleh dipengaruhi oleh unsur-unsur luar yang akan memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan awam," katanya.

Pada masa sama, Adnan berkata CUEPACS berharap semua pemimpin parti politik dapat mencari titik persefahaman agar negara kembali stabil dan pulih di samping tumpuan harus diberikan terhadap usaha mengekang penularan wabak COVID-19 dan pemulihan ekonomi negara.

"Titik persefahaman yang utama adalah dengan meletakkan rakyat sebagai keutamaan dalam apa juga tindak tanduk agar tidak memberi kesan yang begitu ketara," katanya.

-- BERNAMA